



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556
Faks : 03-88915557
Portal : www.kpkt.gov.my
Emel : pro@kpkt.gov.my
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Fail : KPKT/BPK/19/9/4 Klt.3 (84)

Tarikh : 21 September 2014

SIARAN MEDIA

KARNIVAL MINI SEMPENA SAMBUTAN HARI MALAYSIA

KOTA KINABALU, 21 SEPTEMBER 2014 - Yang Berbahagia Dato' Halimi Abdul Manaf Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merasmikan Karnival Mini Sempena Sambutan Hari Malaysia pada pagi ini. Karnival adalah anjuran bersama KPKT dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK).

2. Bagi menyemarakkan rasa kecintaan kepada Negara pameran berkaitan dengan sejarah kemerdekaan Malaysia dan fasa- fasa pembangunan negara yang dilalui negara dari sudut politik ekonomi dan sosial yang dipamerkan oleh Jabatan Arkib Negeri Sabah, Jabatan Muzium Negeri Sabah dan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.

3. KPKT juga mengatur aktiviti *busking*. Persembahan *busking* ini dilihat oleh KPKT sebagai aktiviti yang boleh dikembangkan secara sihat bagi mewujudkan suasana sejahtera di bandar atau tumpuan orang ramai dan membantu dalam menyumbang kepada pewujudan '*livable city*' melalui aktiviti seni jalanan.

4. Acara pada pagi ini turut dihadiri oleh Datuk Abidin Madingkir, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, pegawai kanan KPKT dan DBKK serta Kerajaan Negeri Sabah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat sembilan (9) Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Landskap Negara, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : pro@kpkt.gov.my